Secara ringkasnya, berpandu kepada keterangan di dalam Artikel 5, KUUL 1982 berkaitan dengan garis pangkal, terdapat dua taksiran yang bermungkinan. Jika ianya ditaksirkan sebagai tikas air surut maka ianya menjadi garis pangkal yang sah daripada segi undang-undang dan garis pangkal adalah tetap. Jika negara pantai mentaksirkan tikas air surut pada sudut yang berbeza daripada taksiran sebenar sebagai contoh batuan dianggap sebagai pulau, maka akan menyebabkan terdapatnya implikasi negatif dalam menentukan had luar zon maritim dan sempadan maritim di mana kedua-dua Negara pantai mungkin memutuskan hubungan diplomatik.

GARIS PANGKAL LURUS

Artikel 7, KUUL 1982 menyatakan bagi garis pangkal lurus yang terletak di pantai yang tidak stabil, penggunaan elevasi air surut dengan rumah api sebagai titik pangkal dalam sistem garis pangkal lurus boleh digunakan selagi garis itu telah memperolehi pengiktirafan antarabangsa dan umum. Artikel 7, KUUL 1982 ini juga, membenarkan negara pantai menggunakan garis pangkal biasa dan garis pangkal lurus sebagai penentuan zon-zon maritim dan menggunakan garis pangkal lurus pada kawasan pantai yang terpilih. Kriteria penting dalam melukis garis pangkal lurus apabila terdapat pesisir pantai berlekok-lekok, tidak tersusun atau satu gugusan dari pulau-pulau di sepanjang pantai di kawasan terdekat (Prescott dan Schofield, 2005). **Rajah 1.1** menunjukkan kedudukan garis pangkal lurus.



Rajah 1.1 Garis pangkal lurus

Jika sesebuah negara pantai itu mempunyai keadaan geografi yang tidak stabil, undang-undang antarabangsa membenarkan negara pantai untuk menukar penggunaan garis pangkal biasa kepada garis pangkal lurus bagi mengukur zon maritim di sepanjang bahagian pantai terpilih (Schofield, 1999). Menurut Jamine (2007), pula untuk menggunakan garis pangkal lurus, perlu memastikan keadaan pantai yang berlekuk-lekuk iaitu sifat pantai yang semulajadi dan adanya gugusan pulau-pulau di sepanjang pantai.


Pada tahun 1935, pihak Norway telah mengisytiharkan garis pangkal lurus bagi mewujudkan zon empat batu nautika sebagai zon perikanan (ICJ, 1951). Setelah menguatkuasakan zon perikanan empat batu nautika, pihak berkuasa Norway telah menahan beberapa kapal perikanan nelayan British (Schofield, 1999). Lanjutan daripada peristiwa itu pihak British memulakan prosiding di hadapan ICJ pada tahun 1949 bagi menetapkan had luar zon Norway melalui aplikasi undang-undang antarabangsa. Dalam keputusan ICJ pada tahun 1951, ICJ memutuskan kesahihan garis pangkal lurus Norway dan pada masa yang sama ICJ menetapkan garis pangkal seperti kenyataan berikut:

where a coast is deeply indented and cut into ... the baseline becomes independent of the low-water mark and can be determined by means of geometric construction.

Artikel 4, KUUL 1958 telah digubal berdasarkan kepada keputusan ICJ bagi kes perikanan Anglo dan Norway pada tahun 1951. Menurut Schofield (1999), peruntukan Artikel 4, KUUL telah diulangi sebahagian besarnya di dalam Artikel 7, KUUL 1982. Artikel 7, KUUL 1982, turut menyediakan garis panduan berhubung dengan garis pangkal, di mana jika terdapat garis pantai yang sangat tidak

stabil dan membolehkan kemungkinan menggunakan elevasi air surut tanpa rumah api sebagai titik pangkal dalam sistem garis pangkal lurus selagi garis pangkal lurus itu telah memperoleh pengiktirafan antarabangsa dan umum.

Menurut Prescott dan Schofield (2005), lagi, Artikel 7 (2), KUUL 1982 membenarkan lukisan garis pangkal lurus di keadaan semula jadi pantai yang sangat tidak sekata dan titik yang sesuai boleh dipilih ke arah laut yang paling jauh dari tikas air surut. Seterusnya, Artikel 7 (3), KUUL 1982 menyatakan untuk melukis garis pangkal lurus mestilah selari dengan garis am pantai. **Rajah 1.2** menunjukkan kedudukan garis pangkal lurus yang selari dengan garis am pantai.



Rajah 1.2 Garis pangkal lurus selari dengan garis am pantai

Artikel 7 (4) juga menyatakan bahawa garis pangkal lurus boleh dilukis ke dan dari elevasi air surut jika rumah api atau pemasangan yang serupa telah dibina secara kekal di atas paras laut. Pengecualian bagi garis pangkal lurus yang dilukis tanpa rumah api atau pemasangan yang serupa setelah mendapat pengiktirafan antarabangsa walaupun syarat di atas tidak dipenuhi. Artikel 7 (5) menyatakan perkara ini boleh diambil tindakan jika ia melibatkan kepentingan ekonomi khususnya kepada rantau berkenaan, realiti dan kepentingan yang jelas dibuktikan oleh penggunaan pada jangka masa yang lama (Prescott dan Schofield, 2005).

Seterusnya Prescott dan Schofield (2005), menyatakan, perlu diingatkan bahawa Artikel 7 (5) secara berasingan tidak membenarkan melukis garis pangkal lurus dalam keadaan di mana ketiadaan pantai yang berlekuk-lekuk atau memotong pantai atau kewujudan gugusan pulau-pulau di sepanjang pantai. Pada Artikel 7 (6) menyatakan bahawa garis pangkal lurus tidak boleh digunakan oleh sebuah negara pantai jika garisan sempadan laut lepas atau ZEE itu memotong laut wilayah negara pantai lain.

Melalui analisis Artikel 7, dapat dirumuskan bahwa Artikel 7 menyatakan cara-cara untuk melukis garis pangkal lurus bagi kawasan pantai yang tidak stabil dan kawasan berlekuk-lekuk. Menurut Soon (1990), penggunaan garis pangkal lurus merupakan salah satu cara bagi menyelesaikan masalah di pantai yang sangat tidak stabil dan berlekuk-lekuk. Penentuan bagi kedudukan pantai yang tidak stabil dan berlekuk-lekuk boleh ditentukan dengan melihat carta berskala besar yang dikeluarkan oleh Negara pantau terlibat. Artikel 7(2), KUUL 1982 menyatakan bahawa garis pangkal lurus akan terus berkuatkuasa sehinggalah diubah oleh negara pantai itu berdasarkan kepada KUUL 1982. Seterusnya Artikel 7(2) menyatakan bahawa sesebuah negara pantai boleh mengekalkan garis pangkal lurus sedia ada sehinggalah perubahan garis pangkal lurus yang dilakukan dengan mengikut ketetapan KUUL 1982.


GARIS PANGKAL LURUS KEPULAUAN (ARCHIPELAGIC STRAIGHT BASELINE)

Artikel 46, KUUL 1982 menyatakan

- (a) ***"archipelagic State" means a State constituted wholly by one or more archipelagos and may include other islands;***
- (b) ***"archipelago" means a group of islands, including parts of islands, interconnecting waters and other natural features which are so closely interrelated that such islands, waters and other natural features form an intrinsic geographical, economic and political entity, or which historically have been regarded as such.***

Artikel 47 (1), KUUL 1982 menyatakan Garisan garis pangkal lurus kepulauan mestilah dilukis daripada titik-titik yang paling terkeluar daripada pulau-pulau atau terumbu-terumbu dan ia perlu merangkumi mains Islands di kepulauan itu dan nisbah kawasan air ke kawasan tanah mestilah antara 1:1 dan 9:1.

Artikel 47 (2), KUUL 1982 menyatakan panjang satu garis pangkal lurus kepulauan adalah tidak melebihi 100 batu nautika kecuali sehingga 3% dari jumlah keseluruhan garis pangkal yang mengelilingi kepulauan itu boleh melebihi panjang 100 batu nautika sehingga maksimum 125 batu nautika. Manakala artikel 47 (4), KUUL 1982, garis pangkal lurus kepulauan tidak boleh dilukis daripada Evelasi Air Surut (titik A) kecuali dibina rumah api diatasnya (titik B). **Rajah 1.3** menunjukkan kedudukan garis pangkal lurus kepulauan. Artikel 47 (5), KUUL 1982, setiap garisan garis pangkal lurus kepulauan dalam keadaan mana sekalipun tidak boleh memotong zon ekonomi eksklusif negara lain.



Rajah 1.3 Garis Pangkal Lurus kepulauan (after Francalanci and Romano, 1986), (TALOS 2006)

Petunjuk :



Garis pangkal lurus kepulauan



Elevasi Air Surut dengan rumah api



Elevasi Air Surut dengan tanpa rumah api

RUJUKAN

A Manual On Technical Aspects Of The United Nations Convention On The Law Of The Sea – 1982 (TALOS 2006) [Prepared by the IHO, IAG, IOC Advisory Board on Law of the Sea (ABLOS)]

International Court of Justice (1951). Fisheries Case between United Kingdom and Norway. ICJ, New York.

Schofield, C. H. (1999). Maritime boundary delimitation in the gulf of Thailand (Doctoral dissertation, Durham University), United Kingdom.

Jamine E. B (2007). Delimitation Of The Mozambique Maritime Boundaries With Neighbouring States (Including The Extended Continental Shelf) And The Management Of Ocean Issues, United Nations, New York.

Prescott, V and Schofield, C. (2005). 2nd editions. The Maritime Political Boundaries of the World. Leiden: Martinus Nijhoff publishers.

Soons. A.H. (1990). The Effects of a Rising Sea Level on Maritime Limits and Boundaries, Netherlands International Law Review, 37(02), 207- 232.

United Nations (1982). The law of the Sea: United Nations Convention on the Law of the Sea 1982, United Nations, New York.

United Nations. Division for Ocean Affairs and the Law of the Sea (2000), Handbook on the delimitation of maritime boundaries, New York ; Division of Ocean Affairs and the Law of the Sea, Office of Legal Affairs, United Nations, New York.

United Nations (1989). The Law of the Sea: Baseline: an Examination of the Relevant Provisions of the United Nations Convention on the Law of the Sea. United Nations, New York.

LAPORAN BERGAMBAR


PROGRAM LATIHAN PENGENALAN DAN ASAS PENERBANGAN *UNMANNED AERIAL SYSTEM (UAS)* FASA 1

Sr Wan Faizal bin Wan Mohamed

Email : wan.faizal@jupem.gov.my

Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

Sejarah mengenai pesawat tanpa pemandu telah lama digunakan pada operasi ketenteraan terutama apabila keadaan yang boleh mengakibatkan nyawa terancam. Namun sejak kebelakangan ini, penggunaan dron telah berkembang pesat untuk aktiviti komersil, rekreasi, pertanian dan pemetaan.




UAV (*Unmanned Aerial Vehicle*) atau atau lebih dikenali sebagai drone adalah pesawat udara yang beroperasi dan dikawal oleh alat kawalan jauh (*remote control*). Manakala *Unmanned Aerial System* (UAS) pula adalah dron yang dilengkapi sistem citraan bagi tujuan penggambaran dan pengimejan dari udara. Penggunaan UAS yang diintegrasikan dengan *Global Navigation Satellite System* (GNSS) pula lebih kepada tujuan pemetaan.

Di Malaysia, penggunaan teknologi UAS telah digunakan bagi sektor pertahanan, pemetaan, penguatkuasaan, pemantauan dan perfileman. Bagi JUPEM, penggunaan UAS ini dimanfaatkan untuk membantu mengemaskini peta topografi terutamanya di kawasan pembangunan pesat, kawasan cerun dan kawasan yang sukar ditempohi oleh pasukan kerja luar.




2D MAPPING




TERRAIN MAPPING




FEASIBILITY SURVEY




GIS



CROP MONITORING



LAND
MANAGEMENT



MINING SURVEY



DISASTER MAPPING

APLIKASI DALAM SEKTOR UAS

UAS adalah teknologi yang boleh disamakan dengan teknologi Fotogrametri maka penggunaan UAS adalah relevan buat masa kini dalam bidang penghasilan peta. Oleh itu, pada 21 hingga 26 April 2019, satu program Latihan Pengenalan dan Asas Penerbangan UAS anjuran Bahagian Dasar Pemetaan dan Penyelarasan, JUPEM bersama Syarikat Asia Geomatic Instruments (AGI) Sdn. Bhd. yang telah diadakan di Port Dickson Golf & Country Club, Negeri Sembilan.



Program ini telah dirasmikan oleh Sr Saiful Wazlan bin Wahab, Pengarah Ukur Seksyen Penyelarasan Pemetaan yang menggantikan Sr Mohd Latif bin Zainal, Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan kerana menghadiri urusan majlis anugerah penghargaan Jabatan oleh Menteri Air Tanah dan Sumber Asli di Kemeterian.



Seramai 40 orang pegawai JUPEM yang terlibat bagi latihan kali ini. Bahagian yang terlibat terdiri dari Bahagian Topografi Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Manakala turut terlibat pada latihan kali ini juga adalah dari JUPEM Johor, Kelantan, Pahang dan Perak. Program ini adalah lanjutan daripada pembelian 12 buah UAS oleh JUPEM dan ianya adalah salah satu daripada kriteria yang dicadangkan oleh pembekal.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai-pegawai JUPEM mengenai beberapa perkara tentang UAS;


1. Pengenalan dan fungsi UAS dalam bidang ukur
2. Pengendalian Asas UAS secara manual dan automatik
3. Prosedur kerja pemetaan menggunakan UAS
4. Aspek-aspek keselamatan semasa pengendalian UAS

Program bermula dengan sesi taklimat mengenai jenis-jenis UAS oleh En. Muhammad Nur Syarafi bin Ismail dari Syarikat Asia Geomatic Instruments (AGI) Sdn. Bhd. Terdapat tiga jenis UAS dipasaran iaitu;

1. Fixed Wing
2. Multi Copter
3. Vertical Take Off and Landing (VTOL)



Memandangkan pembekalan yang dibuat adalah dari jenis Multicopter dan VTOL, maka pendekatan yang diambil adalah pengendalian berdasarkan Multicopter dan VTOL. Bagi program latihan UAS kali ini peserta akan diberi tunjuk ajar bagi pengendalian jenis multicopter sahaja. Peserta akan dilatih berdasarkan dua modul pengendalian, iaitu secara manual dan automatik. Kesemua peserta dilatih untuk mengendalikan UAS sehingga mereka benar-benar cekap semasa pelancaran, penerbangan dan pendaratan dalam pelbagai situasi dan keadaan.



PENGENDALIAN ASAS ALAT KAWALAN JAUH UAS



Modul terakhir dalam program kali ini adalah pengenalan asas mengenai perancangan laluan penerbangan (*Mission Planner*) UAS di lapangan. Perancangan yang betul dapat membolehkan hasil pengimejan yang baik dan dapat menjimatkan masa dan kos operasi yang hendak dijalankan. Aplikasi yang digunakan berupaya memaparkan cadangan laluan, masa yang diambil, jangka hayat bateri yang akan digunakan dan peratusan tindanan yang diperlukan pada setiap imej yang diambil.



Program ini berjaya melatih pegawai-pegawai JUPEM yang mengikuti kursus ini untuk mengendalikan operasi penerbangan UAS dengan cekap dan mengetahui pengoperasian UAS secara selamat. Adalah diharapkan pada fasa seterusnya, peserta program ini dapat menjalani aktiviti pemrosesan imej dan penghasilan produk yang dikehendaki oleh JUPEM. Semoga ilmu yang diperolehi daripada kursus ini dapat membantu pegawai-pegawai dan JUPEM dalam penghasilan kerja-kerja pemetaan yang lebih signifikan dan efektif.

LAPORAN BERGAMBAR

KURSUS *OFFSET PRINTING AND QUALITY CONTROL IN OFFSET PRINTING*, DEWAN UKUR, 22-25 APRIL 2019

**Disediakan oleh:
Mohd Fazly Bin Mohd Noor**

Seksyen Percetakan, Bahagian Kartografi & GIS
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
fazly.noor@jupem.gov.my

PENGENALAN

Percetakan ofset adalah kaedah yang biasanya digunakan untuk percetakan terutamanya kerja-kerja cetakan yang memerlukan kualiti yang optima dengan kuantiti yang besar.

Di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), selain daripada kerja-kerja cetakan ofset Peta Topografi Siri MY701 T/A, Peta Topografi Siri MY502 T/A, Peta Tematik dan juga dokumen bukan peta seperti Buletin GIS dan Geomatik, Berita Ukur, Laporan Tahunan, Ramalan Pasang Surut, Seksyen Percetakan turut menjalankan kerja-kerja cetakan peta bagi pihak agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Mineral dan Geosains dan lain-lain lagi.

Seksyen Percetakan turut menjalankan percetakan ofset peta untuk kegunaan operasi dan latihan ketenteraan serta cetakan dokumen keselamatan seperti watak dan sebagainya.

Namun begitu, dalam mengekalkan kualiti kerja baik yang berterusan dan juga pengetahuan supaya seiring dengan perkembangan semasa, latihan sentiasa perlu diberikan kepada kakitangan supaya kompetensi mereka dapat dikekalkan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

OBJEKTIF

Objektif kursus ini adalah seperti berikut;

- i. Mengekal dan meningkatkan kemahiran pengawas dan kru mesin agar kualiti cetakan secara fizikal pada lembar cetak dapat dikekalkan kualitinya pada tahap yang optima.
- ii. Memberikan kecekapan teras atau kompetensi keseluruhan pencetak secara dinamik dan positif.
- iii. Memberi pendedahan dan pengetahuan dari aspek teknikal yang lengkap secara mendalam tentang teknologi cetakan ofset agar produktiviti dapat dioptimumkan.
- iv. Memberi pendedahan awal kepada pegawai yang mengurus dan kakitangan baru Seksyen Percetakan yang mengendalikan Mesin Cetak Ofset.


SEKSYEN PERCETAKAN, BAHAGIAN KARTOGRAFI DAN GIS

Seksyen Percetakan dahulunya dikenali sebagai Seksyen Fotolito dan menjalankan kerja-kerja percetakan untuk Jabatan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain. Fungsi Seksyen Percetakan ini adalah seperti berikut;

- i. Menguruskan kerja-kerja cetakan ofset peta-peta topografi dan tematik yang diterbitkan oleh Jabatan dan agensi Kerajaan;
- ii. Menguruskan kerja cetakan ofset dokumen bukan peta;
- iii. Menguruskan kerja cetakan ofset cetak dokumen keselamatan;
- iv. Menguruskan kerja cetakan desktop publishing untuk Jabatan;
- v. Menguruskan kerja-kerja penjilidan peta dan dokumen bukan peta; dan

Kerja-kerja percetakan ini melibatkan kerja rekabentuk dan grafik, percetakan dan juga penjilidan sebelum bahan cetakan ini menjadi produk akhir.

Carta alir kerja Seksyen Percetakan diterangkan seperti **Gambar 1** di bawah.



Gambar 1: Carta Alir Kerja Cetak

HASIL YANG DIPEROLEHI DARI KURSUS

Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Kartografi dan GIS dengan tenaga pengajar yang terlibat dalam program sepanjang 4 hari tersebut adalah Encik Mac Mohan. Beliau mempunyai pengalaman di dalam bidang percetakan selama 40 tahun dan juga merupakan salah seorang ahli Institut Percetakan, United Kingdom.

Kandungan kursus adalah seperti berikut;

- i. *Plate Chemistry*
- ii. *Water Chemistry/Fountain Solution*
- iii. *Offset Printing- Setting the Parameters for Quality Printing*
- iv. *Print Quality System*
- v. *Assessment*

Kursus ini telah dihadiri oleh 40 orang pegawai dan kakitangan Seksyen Percetakan.

Gambar 2 di bawah menunjukkan peserta kursus bergambar bersama dengan tenaga pengajar kursus.



Gambar 2: Peserta Kursus bersama dengan Tenaga Pengajar

Kursus ini telah memberi penekanan terhadap perkara-perkara asas terutama yang berkaitan dengan sains di sebalik bidang percetakan ini. Perkara-perkara seperti proses kimia di dalam penghasilan plat cetak berjaya memberi kefahaman kepada peserta kursus mengenai bagaimana air dan minyak (dakwat) tidak bercampur semasa proses cetakan offset ini dijalankan.

Gambar 3 di bawah menunjukkan plat cetak yang digunakan di Seksyen Percetakan.



Gambar 3: Plat Cetak

Selain daripada itu, kepentingan penjagaan mesin cetak yang baik turut diberi penekanan utama bertujuan untuk memastikan mesin sentiasa berada di dalam keadaan optima dan sedia digunakan bila diperlukan.

Di Seksyen Percetakan terdapat 3 Mesin Cetak Ofset 4 Warna yang masih beroperasi iaitu,

- i. Man Roland RVK 3B (i)
- ii. Man Roland RVK 3B (ii)
- iii. Man Roland R-904


Gambar 4 di bawah menunjukkan Mesin Cetak Ofset 4 Warna Man Roland R-904 yang di operasikan di Seksyen Percetakan.



Gambar 4: Mesin Cetak Ofset 4 Warna Man Roland R-904

Kepentingan penggunaan *Fountain Solution* yang betul turut diajar bagi memberikan tarikan kimia yang baik kepada air.

Gambar 5 di bawah menunjukkan bagaimana proses cetakan ofset berjalan.




Gambar 5: Proses Cetakan Ofset

Di dalam menjalankan kerja percetakan ofset, plat akan dipasang pada *plate cylinder* di mana imej pada plat akan dipindahkan atau di-ofsetkan ke *blanket cylinder* (*rubber blanket*). Imej ini kemudiannya akan dipindahkan ke kertas melalui *impression cylinder*. Imej yang dipindahkan ke *rubber blanket* ini adalah dalam bentuk imej *mirror* sebelum menjadi imej yang sebenar selepas dicetak ke atas kertas melalui *impression cylinder*.

Sistem Pendakwatan atau *Inking System* mengandungi bejana (*fountain*) yang mengawal dakwat dan beberapa set penggelek (*roller*) yang bertugas untuk mengagihkan dakwat ke plat cetak. Penggelek dakwat di sekitar bejana ini akan memindahkan dakwat dari *fountain* ke penggelek di mana ia akan didakwatkan mengikut ketebalan yang bersesuaian. Selepas itu, proses ini akan bergerak ke penggelak terakhir yang dikenali sebagai *form rollers* yang meletakkan dakwat di atas plat. Pengagihan dakwat yang baik dan sekata ini akan memberikan kualiti cetakan yang lebih baik.

Fountain solution adalah air yang diletakkan di dalam *Dampening Unit* atau Unit Pelembab dan perlu ditukar dalam tempoh tertentu bagi mengelakkan air bertukar menjadi sisa yang berkeladak.

Gambar 6 di bawah menunjukkan sistem *Dampening Unit* pada Mesin Cetak Ofset.



Gambar 6: Sistem *Dampening Unit*

Dampening System atau Sistem Pelembab ini mengandungi beberapa set penggelek yang mengagihkan *fountain solution* kepada plat. *Fountain solution* ini perlu bagi mengekalkan kawasan tidak berimej pada plat bebas daripada dakwat. Dengan sistem pendakwatan, sistem pelembab ini mengandungi *fountain* yang memegang *dampening solution* iaitu penggelek di sekitar *fountain* yang membawa solution ke penggelek pelembab dan form rollers yang akan mengaplikasikan *dampening solution* ke atas plat.

Fountain solution ini perlu dipastikan dibersihkan dan disemak secara berkala menggunakan pH Meter atau Densometer bagi memastikan bacaan nilai pH antara 4.5-5.5 kerana ia penting untuk membersihkan kawasan tidak berimej di atas plat. Jika tidak, sisa keladak di dalam *fountain solution* ini akan menyebabkan kawasan tidak berimej ini kotor dan menjejaskan kerja percetakan.

Untuk itu, alkohol digunakan bagi mengekalkan suhu pada *fountain solution* kerana alkohol memberikan tekanan ke atas permukaan yang rendah. Dengan menambah alkohol ke dalam *fountain solution* akan merendahkan tekanan pada permukaan plat dan mengekalkan kesejukan. Ini membolehkan air sentiasa tidak akan melebihi dakwat di mana ini sangat penting di dalam bidang percetakan.

Selain daripada itu, *form rollers* perlu dicuci kerana di atas penggelek tersebut terdapat gam arabic yang membolehkan penggelek grip imej pada *developer*. Jika mesin tidak digunakan untuk tempoh tertentu, gam arabic disapukan di atas penggelek bagi mengekalkan grip tersebut.

Pengajar juga menyampaikan beberapa maklumat mengenai teknik yang betul untuk mengikat *blanket* pada *tension* yang sesuai dan beberapa lagi teknik penjagaan mesin bagi mengekalkan tahap kualiti mesin bagi menghasilkan kualiti kerja cetakan yang terbaik.

KESIMPULAN

Teknik pengajaran secara *two-ways communication* ini sangat berkesan di mana interaksi antara pengajar dengan peserta kursus ini dapat memberikan kefahaman yang lebih baik tentang subjek yang diterapkan.

Gambar 7 di bawah menunjukkan bagaimana interaksi antara peserta kursus dan tenaga pengajar yang berlaku semasa kursus sedang dijalankan.



Gambar 7: Peserta kursus sedang berkongsi pengetahuan beliau mengenai subjek yang diajar

Beberapa cadangan diberikan oleh peserta semasa penilaian kursus dilakukan seperti berikut;

- i. Kursus seperti perlu dijalankan setiap setahun sebagai *refresher course* dengan tambahan modul *On The Job Training* bagi mengekalkan tahap pengetahuan dan kompetensi pegawai dan kakitangan Seksyen Percetakan;

- ii. Mengadakan kursus teknologi percetakan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pegawai dan kakitangan Seksyen Percetakan mengenai teknologi terkini dalam percetakan *digital offset*; dan
- iii. Merancang kursus penyelenggaraan mesin cetak offset sedia ada secara *in-situ training* bagi mengekalkan tahap penyelenggaraan yang optima serta dapat mengurangkan kos penyelenggaraan yang tinggi melalui penjagaan mesin yang efisien.

Selain daripada itu, Seksyen Percetakan juga perlu bersedia dalam menghadapi ledakan teknologi dalam Revolusi Industri 4.0 selaras dengan komitmen Jabatan ke arah merealisasikan visi Negara dalam Malaysia menuju ke arah Negara Maju menjelang 2025 ini.

Antara yang perlu diberi pendekatan adalah dengan aplikasi teknologi sepenuhnya di dalam pengoperasian kerja percetakan offset dengan penggunaan tenaga kerja yang minima tetapi di dalam masa yang sama dapat menjimatkan kos dan meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja yang dihasilkan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah berjaya mencapai objektifnya dan tahniah diucapkan kepada penganjur.

LAPORAN BERGAMBAR

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL DASAR DAN ISU-ISU (JTDII)

Sr Wan Faizal bin Wan Mohamed

Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

Bertempat di Tingkat 15, Bilik Persidangan Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur telah di adakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Isu-Isu (JTDII) Bil. 1/2019. Mesyuarat ini di pengerusikan oleh Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan (PUB, DPP) YBrs. Sr Ahmad Azman bin Ghazali *BCN, AMN*.



YBrs. Sr Ahmad Azman bin Ghazali sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Isu-Isu (JTDII) Bil. 1/2019

Antara ucapan YBr. Tuan Pengerusi ialah pendekatan JUPEM dalam perkongsian maklumat geospasial melalui teknologi MyGeoServe. Agensi-agensi yang telah bersetuju berkolaborasi dengan JUPEM boleh mengakses data-data yang disimpan di sever JUPEM menggunakan capaian atas talian.

Selain itu YBr. Tuan Pengerusi juga menekankan mengenai keselamatan data geospasial milik agensi masing-masing sepertimana dalam Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007: Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat. Berkaitan dengan perkara ini, satu perbincangan khusus di bawah platform JTDII kali ini membincangkan berkenaan Jawatankuasa Audit Keselamatan data Geospasial. Hasil perbincangan perkara ini akan dibawa ke mesyuarat JPDSN akan datang untuk persetujuan ahli mesyuarat.

Beliau juga berharap pelaksanaan *One Stop Center (OSC)* bagi kelulusan permit penggambaran dan pengimejan dari udara yang dibangkitkan pada Mesyuarat JTDII Bil 1/2018 dapat dilaksanakan. Beliau juga memohon agar ahli mesyuarat membincangkan mengenai kelulusan permit ini dengan lebih terperinci lagi agar ianya boleh diimplimentasikan pada masa terdekat.



Sebahagian Ahli Mesyuarat memberi tumpuan ketika YBr. Pengerusi menerangkan tentang aktiviti penggunaan drone pada masa kini

LAPORAN BERGAMBAR

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYELIDIKAN GEOINFORMASI GEOMATIK (JTPGGK)

Sr Wan Faizal bin Wan Mohamed

Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)



Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, YBhg. Dato' Indera Sr Mohd Nor bin Isa mempengerusikan Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2019

Pada 12 Mac 2019 (Selasa) bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 15, Wisma JUPEM, Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur telah di adakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan Geoinformasi dan Geoinformatik (JTPGGK). Mesyuarat telah dipengerusikan sendiri oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) JUPEM dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada para akademik dan penyelidik daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan agensi-agensi yang menggunakan pendekatan geospatial dalam penyelidikan atau kajian di agensi masing-masing.

JTPGGK ini merupakan merupakan salah satu Jawatankuasa yang berada di bawah Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN). JTPGGK juga berperanan untuk memudahkan pengurusan dan penyelarasan perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan dalam bidang geoinformasi/geomatik di negara ini. Antara penekanan yang diberikan oleh YBhg. Dato' Pengerusi pada mesyuarat JTPGGK kali ini adalah mengenai keperluan kepada kajian-kajian yang berimpak besar yang bersandarkan kepada geoinformasi dan geoinformatik yang dapat membantu kepada perancangan dan pembangunan negara.

Selain itu, YBhg. Dato' Indera Sr Pengerusi berpendapat sudah sampai masanya untuk memulakan pemetaan pesisiran pantai (costal mapping), di mana keperluan data-data pemetaan yang akan dihasilkan ini dapat membantu dan menjana ekonomi negara pada masa akan datang. Beliau mencadangkan agar pemetaan pesisiran pantai ini dilanjutkan hingga ke tiga (3) batu nautika dari titik pangkal. Beliau juga memohon kepada agensi-agensi yang berkaitan supaya dapat mengambil peluang dengan data-data yang diperolehi ini, terutama kepada Jabatan Warisan Negara (JWN), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan lain-lain agensi untuk mewartakan kawasan-kawasan yang boleh memberi impak komersil seperti kapal karam, harta karun, terumbu karang, paya bakau dan pelbagai lagi.



Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2019 sedang bersidang, di Bilik Persidangan Tingkat 15, Wisma JUPEM

Mesyuarat JTPGGK ini juga merupakan antara mesyuarat yang terakhir yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Indera Sr Pengerusi kerana beliau akan bersara daripada perkhidmatan awam pada bulan Mei 2019. Beliau memohon maaf dan berterima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap agar mesyuarat JTPGGK akan dapat memberi impak-impak yang lebih besar kepada negara dengan penyelidikan dan kajian menggunakan pendekatan geoinformasi dan geoinformatik. Beliau juga memohon kepada ahli mesyuarat agar hala tuju JTPGGK dalam menyelaras pengurusan, penyelidikan dan pembangunan aktiviti geospasial di kalangan institusi dan agensi dapat diteruskan ke tahap yang lebih tinggi lagi.



Antara Ahli Jawatankuasa Yang Menghadiri Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2019 yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan Institut Pengajian Awam

KALENDAR GIS & GEOMATIK 2019

TARIKH	TAJUK	LOKASI	PENGANJUR	TALIAN PERTANYAAN
28 Februari 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dasar dan Isu-Isu Institusi (JTDII) Bil. 1/2019	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
12 Mac 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan Geoinformasi/Geomatik Kebangsaan (JTPGGK) Bil. 1/2019	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
2 Mei 2019	KKDPNG : Mesyuarat Penyelarasan Pengemaskinian Senarai Buku Nama Pulau dan Entiti Geografi (NPEG) 1 & 2	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	JUPEM dan PHN	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
24 Jun 2019	Mesyuarat Persediaan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	Bilik Mesyuarat Permata, Tingkat 14, Wisma JUPEM, Kuala Lumpur	JUPEM dan Majlis Daerah Dungun	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
1 Julai 2019	Lawatan dan Kunjungan Hormat PLANMalaysia (JPBD) ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
Akan ditentukan oleh Pihak SUK Selangor	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan SUK Selangor	Belum ditentukan	JUPEM dan SUK Selangor	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
22 Ogos 2019	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan Majlis Daerah Dungun	Belum ditentukan	JUPEM dan Majlis Daerah Dungun	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
28 Ogos 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Kebangsaan (JTNGK)	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
15 Oktober 2019	Mesyuarat Ke-70 Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN)	Bilik Persidangan, Tingkat 15, Wisma JUPEM	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
24 Oktober 2019	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan MPPJ	MPPJ, Selangor	JUPEM dan MPPJ	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my
5 November 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG)	Wisma JUPEM, JUPEM Kuala Lumpur	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
19 November 2019	Jawatankuasa Penyelaras Penggambaran Dan Pengimejan Udara Bagi Agensi-Agensi Di Bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (JPPPKATS) Bil. 1/2019	Bilik Mesyuarat Wisma Sumber Asli, NRE	Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan, JUPEM	Sr Hazri bin Hasan Tel : + 603-2617 0831 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : hazri@jupem.gov.my
20 November 2019	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dengan SUK Pulau Pinang	Bangunan KOMTAR, SUK Pulau Pinang	JUPEM dan SUK, Pulau Pinang	Sr Zainal Abidin bin Mat Zain Tel : + 603-2617 0631 Fax : + 603-2697 0140 E-mail : zainalzain@jupem.gov.my

SUMBANGAN ARTIKEL/ CALL FOR PAPER

Buletin GIS & Geomatik diterbitkan dua (2) kali setahun oleh Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara. Sidang Pengarang amat mengalu-alukan sumbangan sama ada berbentuk artikel atau laporan bergambar mengenai perkembangan Sistem Maklumat Geografi di Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Institusi Pengajian Tinggi.

Panduan Untuk Penulis

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
2. Setiap artikel yang mempunyai abstrak mestilah condong (*italic*).
3. Format manuskrip adalah seperti berikut:

Jenis huruf	: Arial
Saiz huruf bagi tajuk	: 12 (Huruf Besar)
Saiz huruf artikel	: 10
Saiz huruf rujukan/ <i>references</i>	: 8
Langkau (isi kandungan)	: 1.5
Margin	: Atas, bawah, kiri dan kanan = 2.5cm
Justifikasi teks	: <i>Justify alignment</i>
Maklumat penulis	: Nama penuh, alamat lengkap jabatan/ institusi dan e-mel.

Satu *column* setiap muka surat

4. Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dalam format Microsoft Word. Semua imej grafik hendaklah dibekalkan secara berasingan dalam format .tif atau .jpg dengan resolusi 150 dpi dan ke atas.
5. Segala pertanyaan dan sumbangan bolehlah dikemukakan kepada:

Ketua Editor
Buletin GIS & Geomatik
Seksyen Dasar Pemetaan
Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Tingkat 14, Wisma JUPEM
Jalan Sultan Yahya Petra
50578 Kuala Lumpur
Tel: 03-26170800
Fax: 03-26970140
E-mel: hazri@jupem.gov.my, wan.faizal@jupem.gov.my
Laman web: <http://www.jupem.gov.my>

